

Headline	RM3 juta buka ladang kayu gaharu		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	I-55	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,122
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,366



# RM3 juta buka ladang kayu gaharu

**GUA MUSANG** - Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan peruntukan RM3 juta yang sudah diluluskan Kerajaan Pusat untuk membuka ladang kayu gaharu di kawasan perkampungan Orang Asli daerah ini dalam masa terdekat ini.

Beliau berkata, peruntukan permulaan sebanyak itu diluluskan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak ketika beliau mengunjunginya di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya Ahad lalu.

Menurutnya, beliau terpaksa berkunjung sendiri ke pejabat perdana menteri bagi mendapat peruntukan untuk melaksanakan projek itu sebagaimana yang dicadangkan sebelum ini untuk meningkatkan pendapatan penduduk Orang Asli di Hulu Kelantan.

"Saya terpaksa menemui perdana menteri sebelum saya datang ke majlis ini supaya apa yang saya cadangkan untuk membuka ladang kayu gaharu



**Tengku Razaleigh memakaikan beg sekolah kepada seorang pelajar anak Orang Asli pada majlis tersebut.**

menjadi kenyataan," katanya kepada pemberita selepas majlis Perasmian Penutup Kembara Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas 2012, di Padang Awam Pos Brooke, dekat sini, petang kelmarin.

Sempena majlis itu, Tengku Razaleigh turut menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan bantuan pakaian seragam sekolah kepada pelajar anak Orang Asli.

Hadir sama Ketua

Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Datuk Mohd Sani Mistam, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Ab Aziz Yusof serta Pegawai Pembangunan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) Cawangan Gua Musang, Muhammad Shukri Ab Aziz.

Tengku Razaleigh yang juga Ketua Umno Bahagian Gua Musang berkata, peruntukan itu sebagai permula-

an projek berkenaan dan menyerahkan perkara itu kepada Jakoa untuk mengadakan perbincangan dengan jabatan serta agensi berkaitan.

Beliau berkata, Jakoa juga perlu mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri bagi mendapatkan kelulusan tanah untuk tujuan berkenaan sementara berbincang dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Risda.